

31 MAY 1996

Agong-Titah

AGONG MAHU RAKYAT KUASAI KEPERLUAN DASAR PERINDUSTRIAN NEGARA

(EMBARGO: Untuk Siaran Selepas jam 2030 malam ini)

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menitahkan rakyat Malaysia supaya menguasai segala keperluan dalam Dasar Perindustrian Negara bagi menghadapi arus pembangunan pesat negara pada abad ke-21.

Seri Paduka bertitah, golongan muda di negara ini harus bersedia meningkatkan ilmu dan kecekapan dalam bidang sains dan teknologi serta teknologi maklumat.

"Hanya negara yang sudah bersiap sedia sahaja yang akan mampu menghadapi tekanan perkembangan ekonomi dunia yang kini semakin terbuka," titah Seri Paduka sempena Ulangtahun Hari Keputeraan baginda esok menerusi siaran radio dan televisyen malam ini.

Menurut Seri Paduka, kecekapan pekerja akan ditingkatkan dengan menambah ilmu pengetahuan, kemahiran dan kemampuan untuk menguasai aspek pengeluaran industri yang canggih di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Di bawah rancangan itu, industri menggunakan ramai pekerja tidak lagi digalakkan sebaliknya penekanan diberikan kepada industri-industri berintensif teknologi tinggi dan bermodal besar, titah Seri Paduka.

Yang di-Pertuan Agong turut bertitah mengenai inisiatif yang perlu diambil oleh setiap rakyat, terutamanya generasi muda bagi memperbaiki nilai-nilai diri serta membentuk peribadi mulia.

"Sikap dan sifat seperti cekal hati, disiplin, teguh iman, kuat fikiran, tegas pendirian, rajin bekerja, jujur dan beramanah hendaklah disemaikan di kalangan anak-anak muda kita," titah Seri Paduka.

Menurut Seri Paduka, sikap toleransi yang tinggi di kalangan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini membantu keharmonian negara.

"Masing-masing kaum telah memainkan peranan dengan begitu baik dalam menjaga keharmonian rakyat kita. Masing-masing peka atau sensitif terhadap adat resam dan kepercayaan yang lain sehingga rakyat kita begitu memahami dan dapat menyesuaikan diri dalam apa-apa keadaan dalam pergaulan antara kita," titah Seri Paduka.

Seri Paduka turut menitahkan rakyat untuk memberi kerjasama kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menjayakan rancangan pembangunan negara.

-- BERNAMA

RAZ AHH